



## SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-88811008**



## 5,000 PENGUNJUNG MERIAHKAN KENDURI RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA**, 23 Februari 2020 – Seramai 5,000 pengunjung memeriahkan program Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Putrajaya bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bertempat di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18, Putrajaya.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Hj Khalid bin Abd Samad. Turut hadir, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), YBhg. Wan Ahmad Uzair Bin Wan Sulaiman.

Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Putrajaya merupakan acara kemuncak bagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 dengan objektifnya untuk menanam semangat kebersamaan dan keharmonian di kalangan warga Putrajaya. Acara yang diadakan serentak dengan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan Putrajaya merupakan anjuran bersama PPj, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya.

Majlis turut menyaksikan penyerahan sebuah Van Wilayah kepada Pengerusi Zon MPPWP Putrajaya bagi membantu masyarakat setempat dalam urusan-urusan seperti ke hospital, kematian, aktiviti amal, program lawatan dan keperluan-keperluan lain. Program ini merupakan inisiatif KWP di bawah Program Inisiatif Wilayah Peduli.

Majlis diteruskan dengan sesi watikah pelantikan 100 sukarelawan Putrajaya yang terdiri daripada anak-anak Putrajaya dalam memastikan anak-anak Putrajaya sentiasa mempunyai aktiviti dimasa lapang dan dapat menyumbang tenaga kepada komuniti Putrajaya sebagai sukarelawan.

Pada masa yang sama pelbagai program dan aktiviti dianjurkan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat antaranya aktiviti memasak secara gotong-royong, langkah Ceria Wilayahku, persembahan dari artis-artis tempatan, pameran agensi, demonstrasi kraf dan batik, jualan usahawan Putrajaya, pemeriksaan kesihatan percuma, urutan refleksologi, pertandingan mewarna kanak-kanak dan karnival sukan.

Antara acara sukan yang dipertandingkan adalah bola jaring, futsal, muay thai, taekwondo dan e-games yang melibatkan penyertaan dari komuniti Wilayah

Persekutuan.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Kenduri Rakyat dan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan Putrajaya, sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau En Ahmad Fazila Othman di talian 03-88877325/012-5761490

**(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Februari 2020